

BM 30 DEC 1990

Kerajaan tentukan pengganti DEB

ALOR STAR: Kerajaan akan menentukan sendiri dasar baru bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang tamat tempoh pelaksanaannya esok.

Ini kerana kegagalan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) menyediakan dasar yang boleh diterima oleh semua pihak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Mapen gagal kerana ada ahlinya menarik diri, walaupun kerajaan memberi mereka dua tahun.

Menurutnya, penubuhan Mapen bertujuan supaya semua pihak berpakat dalam membentuk dasar itu. Bagaimanapun, bila ada yang menarik diri, maka dasar yang dibentuk oleh Mapen bukan lagi mencerminkan penerimaan semua pihak.

"Yang kita hendak elak ialah apabila satu dasar dibuat maka ramai yang akan mengesakan dasar itu kerana dasar itu dibentuk oleh kerajaan yang kononnya berat sebelah.

"Sekarang, kita beri peluang kepada mereka untuk mem-

bentuk dasar yang tidak berat sebelah, tetapi kita dapati mereka tidak mampu, sebaliknya mereka hanya boleh mengkritik.

"Oleh kerana Mapen gagal, tidak dapat tidak kerajaan mesti menentukan dasar itu. Dan pihak yang tidak berjaya jangan mengkritik kerajaan kerana mereka tidak ada hak untuk berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPPMM) Kebangsaan di sini, semalam.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata matlamat dasar baru itu adalah sama, iaitu supaya Bumiputera memainkan fungsi yang sewajarnya dalam bidang ekonomi.

Perdana Menteri menegaskan, dalam menyediakan dasar baru itu kerajaan tidak mempersoalkan mengenal peratusan pencapaian dan tempoh matlamat itu akan tercapai.

"Kita ingin membasmi kemiskinan, tetapi bila kita akan mencapai matlamat itu kita

tidak tentukan. Lebih baik lambat asalkan selamat. Kita telah menetapkan jangka masa 20 tahun untuk mengubah sesuatu yang rumit dalam masyarakat kita.

"Jika orang Russia tidak berjaya membentuk ekonomi mereka selepas 70 tahun, apakah kita mungkin berjaya dalam masa 20 tahun untuk mengubah bukan saja di segi material tetapi pemikiran," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam melaksanakan apa juga dasar baru ekonomi pada masa depan, kerajaan akan memberi penekanan kepada kemampuan Bumiputera melaksanakan sesuatu.

"Kita boleh beri satu kontrak bernilai \$1,000 juta kepada seorang pengusaha Bumiputera jika dapat membuktikan baliawa dia mampu mengurus, mempunyai modal dan pengalaman yang mencukupi."

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan menetapkan Bumiputera yang mempunyai latihan saja yang akan mendapat kontrak kerajaan pada masa depan.